

'Perpaduan pusaka saya bagi rakyat Malaysia'

UM 19 OCT 2002

NEW DELHI 18 OKT. —
Perdana Menteri, Datuk
Seri Dr. Mahathir Moha-
mad berkata, pusaka pe-
ninggalan beliau terhadap
Malaysia kelak ialah mem-
pertahankan perpaduan di
kalangan rakyat pelbagai
kaum.

Beliau berkata, kejayaan
itu amat besar maknanya
kerana isu perpaduan bia-
sanya menjadi masalah ut-
ama bagi negara-negara
yang rakyatnya terdiri da-
ripada pelbagai kaum se-
perti Malaysia.

Semasa diminta mengu-
las mengenai legasinya
(pusaka) pada sidang akh-
bar di akhir lawatan kerja
tiga hari ke India hari ini,
Dr. Mahathir menjelaskan
usaha awal menyatupadu-
kan rakyat telah dilakukan
oleh Perdana Menteri per-
tama, Tunku Abdul Rah-
man Al-Haj.

Setelah mengambil alih
kepimpinan 21 tahun le-
pas, perpaduan kaum bu-
kan sahaja dapat diperta-
hankan malah diperku-
kuhkan lagi, jelas Dr.
Mahathir sambil memberitahu
bahawa pada awal
menyandang jawatan Per-
dana Menteri beliau diang-
gap Melayu yang ultra.

Dr. Mahathir seterusnya
berkata, beliau amat per-
caya penggantinya kelak
akan terus memberi pene-
katan kepada usaha me-
ngekalkan keharmonian
kaum di Malaysia.